

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.IIA/(39)

10hb. Disember, 1982

Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan,  
Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Bendahari Negeri,  
Akauntan Perbendaharaan Cawangan JAN.

Tuan,

## **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 1982**

### **PENUTUPAN AKAUN TAHUN 1982**

Adalah dimaklumkan bahawa Akaun Tahun 1982 akan ditutup pada 30hb. April, 1983 untuk membolehkan Penyata Kewangan bagi tahun tersebut dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 31hb. Julai, 1983 mengikut Seksyen 9(2) Akta Odit, 1957.

#### **2. Jadual Bagi Penutupan Akaun Tahun 1982**

Untuk mengelakkan kelewatan penyampaian vaučer dan penyata akaun ke Jabatan ini, maka kerjasama semua pihak adalah diperlukan untuk mematuhi dengan tepat dan teliti tarikh-tarikh seperti yang dinyatakan dibawah ini:-

(a) Semua Jabatan Mengakaun Sendiri,  
Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
dan Perbendaharaan Negeri hendaklah  
menyampaikan ke Jabatan Akauntan  
Negara Akaun Tambahan I bulan Disember  
1982 yang mengandungi perbelanjaan  
'Akaun Kena Bayar' yang telah dibayar  
dalam bulan Januari, 1983 tidak lewat

daripada  
1983

20hb. Februari,

(b) Semua Jabatan Mengakaun Sendiri  
Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
dan Perbendaharaan Negeri hendaklah  
menyampaikan ke Jabatan Akauntan  
Negara Akaun Tambahan II bulan  
Disember, 1982 yang mengandungi  
pelarasan Kementerian/Jabatan lain  
tidak lewat daripada  
1983

10hb. Mac,

(c) Semua Jabatan Persekutuan hendaklah  
menyesuaikan baki dalam buku vot  
dengan akaun-akaun yang diselenggara  
di Jabatan Akauntan Negara dan  
membuat apa-apa pelarasan yang  
perlu tidak lewat daripada  
1983

20hb. Mac,

(d) Semua Jabatan Mengakaun Sendiri  
hendaklah juga menyesuaikan lejar  
mereka dengan Jabatan-jabatan  
lain dan Perbendaharaan Negeri  
dan membuat pelarasan yang perlu  
untuk menentukan semua akaun sudah  
diselesaikan tidak lewat daripada  
Mac, 1983

20hb.

(e) Semua Jabatan Mengakaun Sendiri

dan Cawangan Jabatan Akauntan  
Negara hendaklah melaraskan semua  
urusniaga yang mereka lakukan dalam  
Tahun 1982 dalam akaun Penyelesaian  
mereka dan memastikan bahawa baki  
dalam akaun ini hanya menunjukkan  
baki wang tunai yang dipegang oleh  
mereka sahaja. Butir-butir pelarasan  
terakhir ini hendaklah disampaikan  
ke Jabatan Aakuntan Negara dalam  
Akaun Tambahan III bulan Disember,  
1982 tidak lewat daripada  
1983

20hb. Mac,

(f) Jabatan Akauntan Negara akan  
menghantar Akaun Tambahan Terakhir  
bagi urusniaga yang terkandung dalam  
Akaun Tambahan III bulan Disember, 1982  
kepada semua Jabatan Mengakaun  
Sendiri, Cawangan Jabatan Akauntan  
Negara dan Perbendaharaan Negeri  
tidak lewat daripada  
1983

31hb. Mac,

(g) Semua Jabatan Mengakaun Sendiri  
dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
hendaklah menyampaikan Akaun Tambahan  
Terakhir bulan Disember, 1982 yang  
tidak mengandungi apa-apa pelarasan  
Jabatan lain atau negeri lagi

ke Jabatan Akauntan Negara tidak

lewat daripada  
1983

10hb. April,

(h) Jabatan Mengakaun Sendiri, selepas semua akaun 'memorandum' dimasukkiran dan akaun terakhir Kementerian/Jabatan disesuaikan dengan rekod Jabatan Akauntan Negara, hendaklah menyampaikan Penyata Kewangan bagi tahun 1982 yang disahkan oleh Pegawai Pengawla sendiri ke Jabatan Akauntan Negara

tidak lewat daripada  
1983

30hb. April,

### 3. Penyata Perbelanjaan Ganti Balik

Semua Bendahari Negeri hendaklah menyampaikan ke Kementerian/Jabatan berkenaan penyata terakhir bagi perbelanjaan ganti balik untuk tahun 1982 yang telah diodit tidak lewat daripada 28hb. Februari 1983. Kementerian/Jabatan berkenaan hendaklah menyampaikan jurnal pelarasannya terhadap perbelanjaan ini ke Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada 10hb. Mac, 1983.

### 4. Kertas Kerja Bagi Menyokong Penyata Kewangan Tahun 1982

Semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam urusan penutupan akaun ini hendaklah mengemukakan ke Jabatan Akauntan Negara penyata dan dokumen yang disenaraikan dibawah ini untuk membolehkan Jabatan ini menyediakan dan melengkapkan Penyata Kewangan Tahun 1982 dengan sempurna dan tepat. Penting ditegaskan disini bahawa penyata dan dokumen tersebut amat diperlukan sebagai kertas kerja yang menyokong Penyata Kewangan Tahunan tersebut.

#### *A. Pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Mengakaun Sendiri*

Ajensi-ajensi yang diatas ini hendaklah menyampaikan dokumen berikut kepada Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada 15hb. April, 1983.

- (a) Imbangan Duga terakhir bagi Akaun Tahun 1982.
- (b) Penyata Penyesuaian Bank (AP.146) yang di sokong oleh Sijil Bank.
- (c) Sijil Panjar Wang Runcit disertakan dengan Penyata Bank dan Penyata Penyesuaian

Bank (sekiranya ada).

(d) Penyata yang menunjukkan kedudukan panjar lain (AP.113©), Penyata Bank dan Penyata Penyesuaian Bank.

(e) Penyata Penyesuaian antara rekod Jabatan/Kementerian dengan rekod Akauntan Negara.

(f) Penyata Penyesuaian bagi Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara dengan Akaun Penyelesaian Akauntan Negara.

(g) Senarai Akaun Amanah yang telah disesuaikan dengan baki di Jabatan Akauntan Negara pada 31hb. Disember 1982 dan Sijil Pengesahan baki. (Disediakan oleh Jabatan Mengakaun Sendiri).

#### *B. Bendahari Negeri*

Semua Bendahari Negeri dikehendaki menyampaikan Penyata Penyesuaian bagi Akaun Semasa Antara Pentadbiran dan Akaun yang bersamaan di jabatan ini selewat-lewatnya 15hb. April, 1983.

#### *C. Pegawai Pengawal Akaun Amanah*

Semua Pegawai Pengawal Akaun Amanah dan Akaun Deposit dikehendaki mengemukakan Sijil Pengesahan baki pada 31hb. Disember, 1982 beserta Penyata Penyesuaian Akaun kepada Jabatan Akauntan Negara selewat-lewatnya pada 31hb. Mac, 1983. Penyata Penyesuaian antara baki akaun kecil dan akaun kawalan dan salinan Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan bagi tahun 1982 juga hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini pada atau sebelum 15hb. April, 1983.

#### *D. Pemegang Panjar Seperduabelas/Tiga Perduabelas*

Semua Pemegang Panjar Seperduabelas/Tiga Perduabelas hendaklah menyediakan Sijil Panjar seperti pada 31hb. Disember 1982. Sijil Panjar ini hendaklah disertakan dengan Sijil Perakuan Bank dan juga Penyata Penyesuaian Bank dan disampaikan kepada Jabatan Akauntan Negara tidak lewat daripada 1hb. Mac, 1983. Penyata Penyesuaian antara baki dalam buku tunai pemegang panjar dan baki dalam rekod Jabatan Akauntan Negara hendaklah juga disertakan.

5. Semua pihak yang terlibat adalah diminta supaya mengambil tindakan tegas mulai dari sekarang bagi mengelakkan timbulnya apa-apa kesulitan kelak. Sekiranya terdapat sebarang masalah yang mungkin akan melewatkan mana-mana pihak dari mematuhi jadual yang telah ditetapkan itu maka mereka hendaklah menghubungi Jabatan ini dengan segera supaya tindakan yang sepatutnya dapat diambil bagi menentukan bahawa kerja-kerja perakaunan di Kementerian/ Jabatan yang berkenaan dapat dilaksanakan dengan tidak menjejaskan tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi penutupan akaun tahun 1982 itu.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara Malaysia

s.k,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Kementerian Kewangan

KUALA LUMPUR.

Ketua Audit Negara Malaysia,

Pejabat Ketua Audit Negara,

KUALA LUMPUR.